

# SOP MAJLIS RASMI ATAU MAJLIS SOSIAL DI UITMCT CAWANGAN TERENGGANU (UiTMCT) BAGI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4

<b>Tempoh Majlis</b>	: tidak melebihi 8 jam
<b>Waktu Penganjuran</b>	: 7.30 pagi – 10.00 malam
<b>Kapasiti Peserta</b>	: < 250 orang / 50% ruang

## Majlis yang DIBENARKAN :

- Majlis Rasmi (Mesyuarat/ Seminar/ Bengkel/ Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah)
- Majlis Sosial (Kenduri / Keraian)

## Penganjuran yang TIDAK DIBENARKAN :

- Sukar mengawal keadaan sesak / perilaku orang ramai
- Peserta menginap / berkongsi bilik kecuali dengan kebenaran
- Hidangan makanan secara layan diri (buffet)
- Penganjuran di kawasan PKP/PKPD/PKPB
- *Patient Under Surveillance (PUS)* / *Patient Under Investigation (PUI)* tidak dibenarkan hadir

## Mematuhi Arahan Tetap :

- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian Pengajian Tinggi
- Peraturan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan
- SOP-SOP berkaitan di bawah Universiti Teknologi MARA

Kemaskini : 12 Januari 2022

Tindakan	Langkah Keselamatan COVID-19
<b>Vaksinasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan setiap individu yang hadir bagi majlis rasmi atau majlis sosial telah lengkap dua (2) dos vaksin Covid-19 (Fully Vaccinated).</li> <li>• Memastikan individu yang hadir tidak bergejala dan MySejahtera menunjukkan "Low Risk &amp; No Symptoms".</li> </ul>
<b>Deklarasi Kesihatan dan Rekod Kehadiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap individu yang hadir perlu mengisi <b>Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM</b> dan mengimbas kod QR di aplikasi <a href="https://saringc19.uitm.edu.my/">https://saringc19.uitm.edu.my/</a> yang dipamerkan di pintu utama UiTMCT (Pos A). Hanya keputusan kategori D/E dibenarkan masuk.</li> <li>• Individu yang tidak mempunyai telefon pintar <b>direkodkan secara manual</b> menggunakan Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM.</li> <li>• <b>Pengidap penyakit kronik, berumur 70 tahun, berimuniti rendah dan ke atas serta kanak-kanak di bawah umur 12 tahun</b> tidak digalakkan hadir.</li> </ul>
<b>Saringan Suhu Badan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Suhu badan diambil di pintu masuk utama</b> iaitu di lokasi majlis berkenaan. Suhu melebihi 37.5 C dan bergejala seperti demam, batuk dan sesak nafas tidak dibenarkan masuk.</li> </ul>
<b>Proses Pendaftaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penganjur wajib menyediakan kaunter pendaftaran di pintu masuk utama untuk memastikan para peserta <b>mengimbas suhu badan, membersihkan tangan menggunakan hand sanitizer, merekod kehadiran peserta/tetamu dan menghadkan bilangan</b> dengan menggunakan sistem nombor giliran.</li> <li>• <b>Rekod kehadiran peserta/tetamu diserahkan kepada pihak UiTM</b> untuk rujukan jika diperlukan.</li> <li>• Menyediakan <b>penandaan penjarakan fizikal</b> di kaunter pendaftaran.</li> <li>• Semasa menunggu giliran di kaunter pendaftaran, <b>penjarakan fizikal</b> sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi.</li> <li>• Semua yang hadir <b>diwajibkan memakai pelitup muka (face mask)</b>.</li> </ul>
<b>Ruang Majlis</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakukan <b>pembersihan dan nyah kuman</b> di kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas penganjuran majlis.</li> <li>• Memastikan tempat penganjuran mempunyai <b>pengudaraan yang baik</b>.</li> <li>• Menyediakan <b>notis had bilangan</b> di dalam ruang pada tiap satu masa.</li> <li>• Menyusun dan menanda kedudukan peserta dengan <b>penjarakan fizikal 1 meter</b>. Susunan antara meja makan dengan jarak 2 meter.</li> <li>• Menetapkan dan menandakan secara jelas <b>laluan keluar dan masuk</b>.</li> <li>• <b>Penggunaan tandas perlu dihadkan 2 orang</b> pada satu-satu masa.</li> <li>• <b>Dilarang berkumpul atau berhimpun</b> di luar / dalam dewan sebelum atau selepas selesai majlis.</li> </ul>
<b>Sesi Fotografi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Sesi fotografi dengan penjarakan fizikal</b> pada satu-satu masa dan dikendalikan oleh individu yang ditetapkan oleh penganjur.</li> <li>• Penganjur menyediakan seorang <b>petugas bagi mengawal aliran tetamu</b> semasa sesi fotografi.</li> </ul>
<b>Kawalan Penularan dan Jangkitan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menyediakan hand sanitizer / sabun dan air</b>. Memastikan tangan dibersihkan dengan kerap dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i></li> <li>• <b>Penyediaan penjarakan fizikal</b> sekurang-kurangnya 1 meter pada setiap masa / tempat.</li> <li>• <b>Wajib memakai pelitup muka.</b></li> <li>• <b>Mengelakkan daripada 3S</b> iaitu bersesak, ruang sempit/rapat/tertutup dan sembang (perbualan) dalam jarak kurang 1 meter.</li> <li>• <b>Mengelak bersalaman atau bersentuhan</b> dengan orang lain.</li> <li>• <b>Mengelakkan perkongsian makanan/barang.</b></li> <li>• <b>Digalakkan membersihkan diri / menukar baju apabila</b> kembali di rumah.</li> <li>• Penganjur kerap membuat <b>makluman peringatan keselamatan COVID-19</b> di sepanjang majlis</li> </ul>